

TALKING POINT

(5 mins speech)

PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN SAHIB

NAIB CANSELOR

MoA UTeM – Rakan Industri

17 MAC 2017 (Jumaat); 10.00 PAGI, Bilik Mesyuarat Utama Canselori

Y. Bhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Y.Bhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Y.Bhg. Datuk Azhar bin Mohamed

Penasihat Undang-Undang UTeM

Y.Brs. En. Mohd Helmi Mazlan Huzairi

Pengarah Urusan, Spectre Solutions (M) Sdn. Bhd

Y.Brs. En. Razman Shah Bin Rejab

Ketua Pegawai Eksekutif Aerospace Malaysia Innovation Center
(AMIC)

Y.Brs. En. Roslan Roskan

Ketua Pegawai Operasi CTRM

Y.Brs. En Wan Azli bin Wan Ismail

Pengurus Besar MIMOS Semiconductor Sdn Bhd,

Y.Brs. En. Norhizam Bin Abdul Rahim

Pengarah Stevia Industry Sdn. Bhd.

Y.Brs. En Fakhrozi bin Che Ani

Jurutera Kanan Jabil Circuit Sdn Bhd.

Pegawai-pegawai Kanan Universiti dan Industri, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia, Salam 1UTeM
Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,
Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

Kapal dagang dari seberang,
Sarat muatan kayu meranti,
Dari jauh tuan-puan datang,
Kami di UTeM sentiasa menanti.

PENGENALAN

1. Syukur Alhamdulillah kerana dapat berhimpun di pagi yang indah ini bersempena Majlis MoA antara UTeM dan rakan industri yang terdiri daripada:
 - a. Spectre Solutions (M) Sdn. Bhd,
 - b. Aerospace Malaysia Innovation Center (AMIC) dan Composite Technology Research Malaysia (CTRM),
 - c. MIMOS Semiconductor Sdn Bhd,
 - d. Stevia Industry Sdn. Bhd
 - e. Jabil Circuit Sdn. Bhd,
2. Kerjasama strategik ini menunjukkan bermulanya sinergi Universiti-Industri yang menerajui bidang penyelidikan serta lain-lain aktiviti yang telah dipersetujui bersama oleh semua pihak.

3. Terima kasih kepada semua wakil-wakil industri yang sudi hadir pada pagi ini ke Kampus Induk UTeM.

PENGENALAN UTeM

4. UTeM mempunyai 3 kampus – Kampus Induk, Teknologi dan Bandar, merupakan universiti fokus dalam bidang teknikal : Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, ICT dan Pengurusan Teknologi.
5. Enrolmen pelajar sedia ada hampir mencapai 12,000 dengan kekuatan staf melebihi 2,100 orang.
6. Bidang penyelidikan dilihat sebagai salah satu agenda utama negara dalam menuju ke arah Negara Maju 2020.

7. Dalam merealisasikan hasrat ini, Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (CRIM) melalui Dana Penyelidikan MyRA 2014 telah memperuntukkan sebanyak RM600,000.00 untuk Geran Penyelidikan Industri yang dilaksanakan secara usaha sama.
8. Bagi merencanakan lagi bidang penyelidikan Universiti, UTeM turut menubuhkan sebanyak enam (6) Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence) di dalam bidang pengkhususan tertentu.
9. CoE ini telah mula menampakkan hasil melalui pelbagai aktiviti penyelidikan termasuk mengadakan hubungan kerjasama melalui kolaborasi penyelidikan seupama ini yang berbentuk penyelidikan gunaan (*applied research*).
10. Pada pagi ini, sebanyak empat (4) buah CoE iaitu Center for Advanced Research on Energy (CARE), Center for Robotics and Industrial Automation (CeRIA), Centre for Telecommunication Research & Innovation (CeTRI) dan Advanced Manufacturing Centre (AMC) akan memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) yang kebanyakannya berkonsepkan *Matching Grant*.

KEBAIKAN MoA

11. Meningkatkan kompetensi staf akademik untuk memperoleh pengalaman dan pendedahan yang lebih mantap selain berpeluang mengaplikasikan ilmu yang telah dikuasai dengan lebih meluas.
12. Mewujudkan peluang di mana kedua-dua pihak (universiti dan industri) boleh saling melengkapi berdasarkan kekuatan dan kepakaran yang dimiliki.
13. Usaha ini turut menyokong hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) menerusi Lonjakan Ketujuh yang mengajak pihak akademia dan industri untuk lebih aktif bekerjasama bagi meningkatkan keupayaan dan keberkesanan penghasilan sesuatu produk bagi meningkatkan keupayaan dan kecemerlangan dalam sektor akademik dan

industri, sekaligus menyumbang ke arah mencapai status negara maju menjelang 2020.

PENUTUP

14. UTeM berharap jalinan kerjasama yang dimeterai pada hari ini dapat dikekalkan secara berterusan pada tempoh masa jangka panjang demi kebaikan kita bersama.
15. UTeM sebagai sebuah gedung ilmu, tidak hanya berfungsi untuk melahirkan graduan di dalam pelbagai bidang teknikal, malah berperanan besar di dalam menyumbang kepada kesejahteraan rakyat Malaysia serta komuniti antarabangsa seluruhnya.
16. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua rakan industri di atas kesudian menerima kerjasama strategik ini.

Budak Kecil Bermain Lilin,
Di Tengah Malam Bulan Purnama
Majlis Dilaksana Kerjasama Terjalin,
Membawa Kebaikan Memanfaat Bersama